BAB 8

Unsur dan Bahan

MESTI BACA

Bahan Atom, Bahan Molekul dan Bahan Ion

1. **Bahan** boleh dikelaskan kepada **tiga kumpulan** berdasarkan **jenis zarah** yang terkandung di dalamnya.
2. **Bahan atom** mengandungi zarah atom sahaja. Contoh: emas, helium
3. **Bahan molekul** mengandungi zarah molekul yang merupakan gabungan dua atau lebih atom secara kimia. Contoh: air, oksigen
4. **Bahan ion** mengandungi ion positif dan ion negatif. Contoh: natrium klorida (garam)
5. Terdapat juga **unsur yang sama** yang wujud dalam **bentuk yang berbeza**. Seperti contoh:
   (a) unsur **ferum** wujud dalam bentuk atom dan ion.
   (b) unsur **hidrogen** wujud dalam bentuk ion dan molekul.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 5(a) - (c)

bahan molekul
oksigen
molekul
ferum/hidrogen
bahan ion
ion

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

5. Rajah di bawah menunjukkan jenis-jenis zarah yang terdapat dalam bahan.



Bahan R



Bahan S

(a) Berdasarkan rajah di atas, nyatakan bahan R dan bahan S.

Bahan R: _____

Bahan S: _____

(b) Rajah di bawah menunjukkan dua jenis bahan.

Air

Garam

(i) Nyatakan jenis zarah yang membentuk

air: _____

garam: _____

(ii) Berikan **satu** contoh bahan lain yang terbentuk daripada jenis zarah yang sama seperti air.

_____

(c) Berikan **satu** contoh unsur yang wujud dalam bentuk atom dan ion.

_____

LIVEWORKSHEETS